

Tentang Merantau, Campong & Kita: Membelek kembali Lembaran Sejarah yang Hilang

Tanggal 15 Feb 2012 menyaksikan berlangsungnya kuliah kedua siri seminar Jalinan Budi yang dianjurkan MLC, NIE. Kuliah kali ini telah menampilkan A/P Dr Imran Tajudeen, dari Jabatan Senibina, NUS, yang membicarakan tentang senibina dan perkotaan masyarakat Melayu-Nusantara di Singapura dari 1810 hingga 1960.

Kalaupun ada yang masih terus tertanya-tanya (dan bagus untuk sering tertanya-tanya sebenarnya), 'Apakah pentingnya SEJARAH?', maka pembentangan Dr Imran ini telah menegaskan lagi apa yang dinyatakan Kuntowijoyo bahawa "*Orang tidak akan belajar sejarah kalau tidak ada gunanya. Kenyataan bahwa sejarah itu terus ditulis orang, di semua peradaban dan di sepanjang waktu, sebenarnya cukup menjadi bukti bahwa sejarah itu perlu.*"

Saat menelusuri slaid-slaid powerpointnya yang memperlihatkan kajiannya yang begitu cermat dan teliti, ternyata ada beberapa hal yang diajak Dr Imran untuk kita turut sama memikirkan.

Pertama, soal mengetahui sejarah. Dalam apa jua bidang yang membenarkan kita untuk menggali dan mengkaji sejarah kita, maka segala upaya dan usaha hendaklah dikumpul dan dikerah bagi mengkedepankan bahan sejarah tersebut kepada khalayak umum. Dr Imran sendiri di bidang senibina, menampilkan sosok anak Melayu yang berkepedulian terhadap sejarah dan warisan bangsanya dan ini sesuatu yang wajar kita puji dan hargai, sebagai perangsang bagi kami bakal warga pendidik yang bergerak melalui bidang pendidikan bahasa dan sastera di sekolah-sekolah nanti untuk berperanan aktif melangsungkan aktiviti melestarikan dan membangunkan khazanah yang kita miliki.

Kedua, mengetahui sejarah juga harus bermakna perlu mempunyai kesedaran sejarah. Tidaklah cukup sekadar untuk menanggapi sejarah sebagai fakta-fakta yang mati semata, sebaliknya, perlulah kita sedar apakah dan siapakah yang mengkonstruksi sejarah kita. Sebagai contoh, Dr Imran menjelaskan bahawa kampung Melayu yang kita fahami bukanlah hanya gambaran rumah-rumah kayu yang kelihatan daif, sebaliknya kampung Melayu itu turut sama merangkumi rumah-rumah Melayu yang terdapat di kawasan kota di bahagian Selatan Singapura, misalnya, seperti yang ditunjukkan dalam slaidnya. Ini sebagai pembuktian bahawa orang Melayu tidaklah hanya bermukim di kawasan yang bersuasana daif seperti yang seringkali dipaparkan, sebaliknya mempunyai bentuk kehidupan yang lebih kompleks dan *urban* dalam sejarah penghidupan kita.

Ketiga, dalam kita mengkedepankan khazanah warisan kita, tidaklah kita bersikap keterlaluan dan tanpa mengiktiraf pengaruh-pengaruh kebudayaan luar yang turut sama mewarnai corak kebudayaan dan tamadun kita. Dengan apresiasi inilah melalui pengamatan terhadap senibina Melayu, misalnya, terakam suatu gambaran suasana multikultural yang telah lama berlangsung dalam masyarakat kita sejak zaman dulu.

Sesungguhnya Dr Imran telah menginspirasi ramai yang hadir pada sesi kuliahnya yang lalu. Sebagai seorang doktor falsafah muda dan anak Melayu dalam zaman serba moden dan kontemporari ini, rupanya kita harus terus meletakkan harapan di sinilah bakal lahirnya anak-anak Melayu lain yang berkepedulian terhadap nasib bangsa dan usaha pembangunannya.

Oleh:

Andi Zulkepli
Guru Pelatih, Program BA
Bahasa dan Sastera Melayu
Institut Pendidikan Nasional

4hb Mac 2012